

ULASAN KES

GENTING MALAYSIA BHD. LWN PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI & ORS [2022]

1 *MLJ* 898

*Siti Nur Farah Atiqah Salleh*¹
sitinurfarah@uitm.edu.my

*Nur Mohd. Iqzuan Samsudin*²
iqzuan@unimel.edu.my

*Mohamad Rizal Abd. Rahman*³
noryn@ukm.edu.my

Jabatan Undang-undang, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Alor Gajah, 7800, Lendu, Melaka, Malaysia.¹

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Islam Melaka, 78200, Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.²

Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.³

Pengarang koresponden (*Coessponding author*):¹

PENDAHULUAN

Hak privasi di Malaysia sedang melalui perkembangan dalam tempoh satu dekad ini, khususnya dalam konteks perlindungan data peribadi. Perubahan ini menjadi makin signifikan dalam sector, seperti kesihatan, kewangan, perdagangan, dan penguatkuasaan percukaian, yang melibatkan pengumpulan dan pemprosesan data peribadi dalam skala yang besar. Penggubalan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP 2010) merupakan satu mercu tanda dalam landskap perundangan Malaysia. Akta ini mencerminkan kesedaran yang makin mendalam tentang keperluan untuk melindungi data peribadi pada era digital yang pesat berkembang. Berkuat kuasa pada tahun 2013, APDP 2010 menyediakan kerangka perundangan yang komprehensif bagi melindungi data peribadi dan meningkatkan ketelusan, serta mengenakan sekatan dan perlindungan terhadap pendedahan data tanpa kebenaran.

Walaupun kepentingan APDP 2010 tidak dapat disangkal, tafsiran kehakiman dan penelitian yang berterusan masih tetap diperlukan bagi menjelaskan skop dan batasan yang terkandung dalam Akta tersebut. Mahkamah memainkan peranan penting dalam pembentukan pelaksanaan APDP 2010, terutamanya dalam usaha mengimbangi antara hak privasi

individu dengan kuasa penyiasatan dan pengawalseliaan yang berkaitan dengan perlindungan data peribadi. Dalam kes yang diulas ini, fungsi ini didapati diuji. Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak dibenarkan untuk membuat permintaan menyeluruh terhadap data peribadi pelanggan. Mahkamah Tinggi turut memutuskan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak dibenarkan untuk membuat permintaan menyeluruh terhadap data peribadi pelanggan, 2022. Ketegangan ini menjadi lebih ketara apabila badan kerajaan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), berusaha untuk mendapatkan capaian terhadap data peribadi atas alasan kepentingan awam. Badan ini sering bergantung pada kuasa statutori yang digubal lebih awal, seperti Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), yang mungkin bertentangan dengan prinsip yang ditetapkan oleh APDP 2010.

Pada tahap penguatkuasaan APDP 2010, terletakaknya peranan penting Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (Pesuruhjaya PDP). Sebagai pihak berkuasa bebas, Pesuruhjaya PDP bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan terhadap peruntukan APDP 2010, menilai kesahihan permintaan data, dan melindungi hak privasi individu. Kes ini memperlihatkan kewajipan Pesuruhjaya PDP bagi memastikan data peribadi terus dilindungi walaupun berhadapan dengan tekanan daripada badan kerajaan. Kes ini memperlihatkan kepentingan peranan PDP dalam mengawasi pematuhan prinsip di bawah APDP 2010. Keputusan mahkamah dalam kes ini bukan sahaja menjadi rujukan perundangan yang signifikan, malah berfungsi sebagai peringatan bahawa pengekalan integriti data peribadi memerlukan penguatkuasaan yang tegas dan komited oleh PDP.

FAKTA KES

Kes ini bermula dengan permohonan semakan kehakiman yang difailkan oleh Genting Malaysia Bhd. selaku permohon dan pengendali Resort World Genting, sebuah pusat peranginan yang menyediakan pelbagai perkhidmatan, seperti permainan kasino, penginapan dan hiburan. Selain mengurus operasi kasino, pemohon turut menawarkan *Genting Rewards Loyalty Programme*, iaitu program kesetiaan pelanggan yang mewajibkan pengumpulan data peribadi, seperti nama, nombor pengenalan diri, alamat, maklumat hubungan dan rekod transaksi. Dengan berdasarkan peruntukan APDP 2010, maklumat tersebut tergolong dalam kategori data peribadi yang perlu dilindungi dan tidak boleh didedahkan dengan sewenang-wenangnya.

Pertikaian timbul apabila LHDN sebagai responden ketiga membuat permohonan capaian terhadap data peribadi pelanggan pemohon menurut

Seksyen 81 ACP 1967. Tujuan utama LHDN adalah untuk memperluas asas percukaian, meningkatkan kutipan cukai dan mengurangkan kes pengelakan cukai. Dalam hal ini, LHDN menuntut maklumat berkaitan transaksi bernilai tinggi, termasuk butiran pelanggan yang mencatatkan kerugian atau kemenangan besar di kasino pemohon. Walau bagaimanapun, permintaan tersebut tidak disertakan dengan sebarang siasatan terhadap individu tertentu, sekali gus menimbulkan kebimbangan tentang kesahihan dan justifikasi permintaan yang disifatkan terlalu umum.

Pemohon kemudiannya menolak permintaan berkenaan atas alasan bahawa tindakan mendedahkan data pelanggan secara meluas akan melanggar tanggungjawab di bawah APDP 2010, terutamanya berhubung pemprosesan, penyimpanan, dan pendedahan data peribadi. Kegusaran ini berasas kerana pematuhan terhadap permintaan LHDN dapat mendedahkan pemohon kepada risiko pendakwaan di bawah APDP 2010 atau tuntutan saman daripada pelanggan yang berasa bahawa privasinya terancam. Di samping itu, pemohon berhujah bahawa Seksyen 81 ACP 1967 tidak memperuntukkan kuasa kepada LHDN untuk meminta data peribadi secara besar-besaran, melainkan maklumat yang diminta benar-benar relevan dan bersangkutan dengan keperluan percukaian tertentu.

Bagi menyokong tuntutannya, LHDN mengemukakan surat daripada Pesuruhjaya PDP yang menjelaskan bahawa pendedahan maklumat terbabit adalah sah pada sisi undang-undang berdasarkan Seksyen 39(b)(ii) APDP 2010. Peruntukan ini menyatakan bahawa data peribadi boleh didedahkan dalam keadaan tertentu jika dibenarkan oleh undang-undang. Namun demikian, pemohon tetap bertegas bahawa permintaan LHDN yang bersifat umum, tanpa persetujuan pelanggan dan tanpa siasatan khusus, secara prinsipnya melanggar privasi menurut APDP 2010.

Rentetan daripada kegagalan rundingan menerusi siri surat-menyurat antara pihak terlibat, Genting Malaysia memfailkan permohonan semakan kehakiman bagi memastikan hak privasi pelanggan dan tanggungjawab pemohon di bawah APDP 2010 tidak diketepikan. Antara remedi yang dipohon termasuklah perintah certiorari untuk membatalkan keputusan responden, deklarasi bahawa pendirian responden tidak sah pada sisi undang-undang, dan perintah larangan bagi menghalang LHDN daripada meneruskan permintaan data tersebut. Pemohon turut menegaskan bahawa Seksyen 81 ACP 1967 tidak boleh dijadikan asas bagi pendedahan maklumat yang luas tanpa kebenaran yang sah pada sisi undang-undang dan bahawa APDP 2010, sebagai akta khusus yang lebih terkini, seharusnya mengatasi ACP 1967 sekiranya wujud sebarang konflik peruntukan.

Dalam konteks ini, isu terpenting yang bakal dirungkai melalui semakan kehakiman oleh Mahkamah Tinggi ialah hak LHDN untuk menuntut data peribadi pelanggan pemohon secara menyeluruh berdasarkan Seksyen 81 ACP 1967 dan cara pengaplikasian tafsiran Pesuruhjaya PDP berdasarkan Seksyen 39(b)(ii) APDP 2010. Keputusan Yang Arif Noorin Badaruddin bukan sahaja penting bagi menentukan sempadan kuasa LHDN dalam mengakses data peribadi, malah bakal memberikan garis panduan yang lebih jelas tentang had APDP 2010 mampu melindungi privasi pengguna di Malaysia. Kes bermula dengan permohonan LHDN tahun 2018 untuk mendapatkan data di bawah Seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan. Pada tahun 2019, Genting menolak permohonan LHDN atas alasan melanggar APDP 2010. Kemudian, LHDN memohon sokongan Pesuruhjaya PDP pada tahun yang sama menerusi permohonan di bawah Seksyen 39 (b)(ii) APDP 2010. Mahkamah Tinggi pada tahun 2022 memutuskan keputusan yang memihak kepada Genting. Pada tahun 2023, LHDN mengemukakan rayuan tetapi Mahkamah Rayuan menolak semakan hakiman.

ISU

Isu terpenting yang timbul dalam kes ini ialah kesahan kuasa LHDN di bawah Seksyen 81 ACP 1967 untuk memohon data peribadi pelanggan Genting Malaysia tanpa melanggar peruntukan yang digariskan dalam APDP 2010. Permohonan LHDN bagi mendapatkan data berskala besar tanpa sebarang siasatan khusus menimbulkan persoalan, sama ada tindakan tersebut boleh disifatkan sebagai “ekspedisi memancing data” (fishing expedition), iaitu pencarian maklumat secara umum dan tidak terarah.

Genting Malaysia berhujah bahawa permintaan LHDN ini berkemungkinan mencerooboh hak privasi pelanggan kerana maklumat peribadi yang diminta meliputi pelbagai butiran sensitive, termasuklah rekod transaksi perjudian, alamat dan nombor pengenalan diri. Bagi menyokong pendirian tersebut, Genting Malaysia menegaskan bahawa APDP 2010 menggariskan keperluan bagi mendapatkan persetujuan pelanggan atau justifikasi undang-undang yang jelas sebelum sebarang pendedahan data peribadi boleh dilakukan. Peruntukan ini bukan sahaja menzahirkan prinsip perlindungan data peribadi, malah turut melindungi hak individu daripada sebarang pencerobohan yang tidak berasas oleh pihak berkuasa.

Sehubungan dengan itu, Genting Malaysia mendakwa bahawa permintaan yang luas dan tidak terhad oleh LHDN menyalahi prinsip pemprosesan data peribadi yang telus dan terhad pada tujuan tertentu. Oleh sebab Seksyen 81 ACP 1967 tidak menyatakan kuasa untuk memohon data

peribadi sebegitu umum secara terperinci, timbul persoalan, sama ada LHDN telah bertindak di luar skop perundangan yang dibenarkan atau tidak. Dalam konteks inilah mahkamah perlu menentukan had Seksyen 81 ACP 1967 memberikan autoriti kepada LHDN untuk mengakses data peribadi berskala besar dan sama ada tindakan itu wajar diimbangi oleh prinsip perlindungan privasi dalam APDP 2010 atau tidak.

Selain persoalan mengenai kuasa LHDN di bawah Seksyen 81 ACP 1967, isu lain yang menonjol dalam kes ini ialah peranan Pesuruhjaya PDP dan had bidang kuasanya untuk meluluskan pendedahan data tanpa melanggar APDP 2010. Dalam konteks ini, Genting Malaysia berhujah bahawa Pesuruhjaya PDP sepatutnya bertindak sebagai entiti pengawal selia yang tegas bagi melindungi hak privasi individu, selaras dengan matlamat utama APDP 2010. Namun begitu, dengan memberikan sokongan dan jaminan bahawa pemohon tidak akan dikenakan pendakwaan jika mematuhi permintaan data LHDN, Genting Malaysia mendakwa Pesuruhjaya PDP telah gagal melaksanakan tanggungjawab statutori dan mungkin bertindak *ultra vires*.

Dari sudut lain, mahkamah turut perlu menilai sama ada pernyataan Pesuruhjaya PDP tersebut mencerminkan tafsiran yang wajar terhadap APDP 2010, terutamanya apabila data peribadi yang diminta oleh LHDN berskala besar dan tidak dibatasi oleh sebarang siasatan khusus. Kes ini sekali gus membuka perbincangan mengenai had keizinan atau kebenaran yang dimiliki oleh Pesuruhjaya PDP atas nama pematuhan undang-undang tanpa menjejaskan prinsip asas perlindungan data.

Isu berbangkit seterusnya melibatkan sama ada APDP 2010 sebagai undang-undang yang lebih terkini dan khusus dalam bidang perlindungan data peribadi, seharusnya mengatasi ACP 1967 apabila berlaku percanggahan berhubung privasi atau tidak. Genting Malaysia menegaskan bahawa peruntukan umum ACP 1967 tidak boleh dijadikan asas untuk meniadakan hak pelanggan di bawah APDP 2010, terutamanya dalam hal yang menuntut persetujuan atau justifikasi sah sebelum data didedahkan. Dengan erti kata lain, jika wujud sebarang konflik antara kedua-dua akta, APDP 2010 sepatutnya diberi keutamaan bagi memastikan hak privasi individu sentiasa terpelihara.

Secara keseluruhannya, persoalan utama yang perlu ditentukan oleh mahkamah adalah sama ada tindakan LHDN memohon data pelanggan dalam skala besar di bawah ACP 1967 boleh melebihi perlindungan privasi yang diperuntukkan oleh APDP 2010 atau tidak. Pada masa yang sama, mahkamah juga perlu meneliti, sama ada hak privasi yang diiktiraf secara

tidak langsung melalui Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan boleh dijadikan batasan bagi kuasa LHDN dalam penyiasatan atau pengutipan data peribadi atau tidak. Keputusan mahkamah mengenai perkara ini dijangka memberikan panduan yang jelas tentang hierarki perundangan antara APDP 2010 dengan ACP 1967, serta memuktamadkan skop kuasa Pesuruhjaya PDP dalam pemudahcaraan pendedahan data peribadi oleh pihak ketiga.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

Kes Genting Malaysia Bhd lwn Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi & Ors merupakan satu kes penting yang menyoroti konflik antara hak privasi individu dengan kuasa penyiasatan kerajaan. Dalam kes ini, mahkamah memutuskan bahawa tindakan LHDN memohon data peribadi pelanggan Genting Malaysia tanpa justifikasi yang kukuh bertentangan dengan undang-undang, khususnya di bawah APDP 2010. Keputusan ini juga menggariskan peranan penting Pesuruhjaya PDP bagi memastikan perlindungan data peribadi.

Hakim menyatakan bahawa hak privasi pelanggan Genting Malaysia dilindungi di bawah Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kebebasan individu. Permohonan data oleh LHDN berdasarkan Seksyen 81 ACP 1967 dianggap sebagai satu “ekspedisi memancing data” iaitu permintaan berskala besar tanpa siasatan tertentu atau asas undang-undang yang jelas. Mahkamah menolak tindakan LHDN yang cuba menggunakan ACP 1967 untuk mengatasi perlindungan privasi yang dijamin oleh APDP 2010.

Mahkamah juga menegaskan bahawa APDP 2010, sebagai undang-undang khusus yang lebih terkini digubal, mengatasi peruntukan am dalam ACP 1967 apabila berlaku konflik antara kedua-duanya. Dalam kes ini, mahkamah memutuskan bahawa APDP 2010 memberikan perlindungan khusus terhadap data peribadi dan menetapkan syarat ketat yang perlu dipatuhi sebelum data peribadi boleh didedahkan. Pihak LHDN gagal menunjukkan justifikasi yang spesifik atau keperluan munasabah untuk pendedahan data tersebut, terutamanya untuk tujuan, seperti pencegahan jenayah atau siasatan kesalahan.

Mahkamah turut mengkritik tindakan Pesuruhjaya PDP yang memberikan jaminan kepada Genting Malaysia bahawa mereka tidak akan didakwa jika mematuhi permintaan LHDN. Hakim memutuskan bahawa tindakan tersebut adalah ultra vires kerana pesuruhjaya telah bertindak di luar bidang kuasanya. Jaminan tersebut juga tidak sah dan tidak memberikan perlindungan kepada Genting Malaysia daripada kemungkinan tindakan

undang-undang. Oleh itu, mahkamah membatalkan tindakan responden dan memberikan remedi yang dipohon oleh Genting Malaysia.

Kes ini menetapkan satu prinsip penting bahawa sebarang permintaan data peribadi oleh badan kerajaan mestilah berasaskan justifikasi undang-undang yang jelas dan mematuhi prinsip perlindungan data. Selain itu, keputusan ini memperkukuhkan peranan mahkamah sebagai pelindung hak privasi individu serta memastikan bahawa agensi kerajaan tidak melampaui kuasa yang diberikan kepadanya.

ALASAN PERUNDANGAN

Mahkamah dalam kes *Genting Malaysia Bhd lwn Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi & Ors* memutuskan bahawa tindakan LHDN untuk memohon data peribadi pelanggan secara berskala besar melanggar prinsip asas yang terkandung dalam APDP 2010 dan hak privasi yang dilindungi di bawah Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan. Keputusan ini menekankan kepentingan perlindungan data peribadi dalam konteks penyalahgunaan kuasa oleh agensi kerajaan dan menyatakan batasan terhadap kuasa penyiasatan yang diberikan oleh undang-undang lain, seperti ACP 1967.

Dalam membuat keputusan, mahkamah memilih untuk menggunakan pendekatan *purposif* dalam pentafsiran peruntukan APDP 2010. Pendekatan ini memberikan keutamaan kepada tujuan utama akta tersebut, iaitu memastikan data peribadi dilindungi daripada pendedahan yang tidak wajar. Pendekatan *purposif* ini menolak tafsiran literal yang dicadangkan oleh LHDN apabila agensi tersebut berhujah bahawa Seksyen 81 ACP 1967 membenarkan pihaknya untuk memohon data pelanggan secara meluas. Mahkamah berpandangan bahawa jika tafsiran literal diterima, perkara ini membawa implikasi serius terhadap objektif APDP 2010. Tafsiran tersebut berisiko mengubah pengecualian undang-undang kepada kuasa yang tidak terkawal, seterusnya menjejaskan perlindungan privasi individu.

Keputusan mahkamah juga menggariskan risiko penyalahgunaan kuasa oleh agensi kerajaan. Dengan menolak hujah LHDN, mahkamah menyatakan bahawa permintaan data berskala besar tanpa justifikasi yang spesifik membuka ruang kepada penyiasatan yang bersifat “ekspedisi memancing data”. Pendekatan sedemikian dianggap sebagai tidak adil dan bercanggah dengan prinsip keadilan, selain menjejaskan hak privasi pelanggan Genting Malaysia. Mahkamah menekankan bahawa kuasa penyiasatan yang luas mesti diimbangi dengan kepentingan hak individu untuk memastikan bahawa tidak berlaku penyalahgunaan kuasa yang menjejaskan perlindungan privasi.

Selain itu, mahkamah turut mengkritik tindakan Pesuruhjaya PDP yang telah menyokong permintaan LHDN tanpa menilai implikasi undang-undang secara mendalam. Mahkamah memutuskan bahawa Pesuruhjaya PDP gagal melaksanakan tanggungjawab statutorinya di bawah APDP 2010 untuk memastikan bahawa data peribadi dilindungi daripada pendedahan yang tidak wajar. Kegagalan ini bukan sahaja menjejaskan integriti undang-undang perlindungan data, malah memberikan ruang kepada badan kerajaan untuk mengatasi undang-undang yang khusus tanpa asas yang kukuh.

Mahkamah juga menegaskan bahawa APDP 2010, sebagai undang-undang khusus yang lebih terkini digubal, mesti diberi keutamaan berbanding dengan ACP 1967 dalam kes yang melibatkan perlindungan data peribadi. Hakikatnya, APDP 2010 dirumus khusus untuk melindungi data peribadi dan menyediakan rangka kerja undang-undang yang ketat bagi mengawal pendedahan data. Dalam kes ini, mahkamah mentafsirkan Seksyen 39 dan Seksyen 45 APDP 2010 secara sempit dengan menyatakan bahawa data peribadi hanya boleh didedahkan dalam keadaan tertentu yang benar-benar diperlukan dan mempunyai asas undang-undang yang kukuh. Tafsiran ini memastikan bahawa prinsip asas perlindungan data peribadi tidak dikompromi, walaupun berhadapan dengan tuntutan penyiasatan oleh agensi kerajaan.

ANALISIS PERUNDANGAN

Kes *Genting Malaysia Bhd lwn Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi & Ors* menonjolkan hubungan yang kompleks antara hak privasi individu dengan kuasa kerajaan, khususnya yang berkaitan dengan skop perlindungan data peribadi di bawah APDP 2010. Isu undang-undang utama dalam kes ini timbul daripada kuasa penyiasatan luas yang diberikan kepada LHDN melalui ACP 1967 had yang dikenakan oleh APDP 2010 bagi melindungi data peribadi. Inti kes ini ialah peranan Pesuruhjaya PDP dalam penguatkuasaan perlindungan privasi dan memastikan bahawa agensi kerajaan tidak melampaui kuasa statutorinya.

Bahagian ini meneliti kerangka statutori yang mengawal APDP 2010 dan ACP 1967, tafsiran mahkamah terhadap undang-undang ini, serta implikasi yang lebih luas terhadap hak privasi dan pengawasan kawal selia di Malaysia.

Kerangka Perundangan dan Tafsiran Kehakiman

Dalam kes ini, mahkamah telah diamanahkan untuk mentafsirkan hubungan antara APDP 2010 dengan ACP 1967. Isu utama dalam kes

ini adalah sama ada LHDN boleh secara sah memohon data peribadi pelanggan Genting Malaysia berdasarkan ACP 1967 tanpa melanggar perlindungan privasi yang dijamin oleh APDP 2010. Hal ini memerlukan mahkamah untuk menyeimbangkan dua kerangka statutori yang kelihatan bertentangan.

Keputusan mahkamah berpusat kepada pilihan antara menggunakan tafsiran literal terhadap peruntukan relevan dalam APDP 2010 atau pendekatan *purposif* yang mentafsirkan undang-undang secara sejajar dengan objektif utamanya, iaitu melindungi hak privasi asas individu. Akhirnya, mahkamah memilih pendekatan *purposif* dengan menekankan tujuan APDP 2010 untuk melindungi data peribadi daripada pencerobohan yang tidak wajar oleh pihak kerajaan.

Menurut hujah LHDN, tafsiran literal terhadap Seksyen 39 dan 45 APDP 2010 akan membenarkan jabatan tersebut memohon data peribadi berdasarkan alasan "dikehendaki oleh undang-undang," sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 81 ACP 1967. Walau bagaimanapun, mahkamah mendapati bahawa tafsiran literal ini menyebabkan perlindungan yang diberikan oleh APDP 2010 menjadi tidak berkesan. Tafsiran ini berisiko mengubah pengecualian undang-undang kepada satu kuasa penyiasatan yang luas dan tidak terkawal. Setelah menyedari risiko ini, mahkamah menolak tafsiran literal yang dicadangkan.

Sebaliknya, mahkamah menggunakan tafsiran *purposif* untuk memahami tujuan asas penggubalan undang-undang, bukannya hanya bergantung pada maksud literal kata dalam teks undang-undang. Dalam konteks kes ini, APDP 2010 digubal untuk menangani keperluan mendesak, iaitu melindungi privasi individu dalam era pengumpulan data digital yang semakin berkembang. Oleh itu, mahkamah mentafsirkan Seksyen 39 dan Seksyen 45 APDP 2010 secara sempit dengan menetapkan bahawa data peribadi hanya boleh didedahkan dalam keadaan tertentu yang jelas dan berasas, bukan untuk memenuhi permintaan berskala besar, seperti "ekspedisi memancing data" oleh LHDN atas alasan kutipan cukai.

Menurut Hasan Basri et.al (2023), pendekatan ini sejajar dengan prinsip kes *Heydon* yang mengarahkan mahkamah untuk mempertimbangkan masalah atau ketidakadilan yang ingin diselesaikan oleh sesuatu undang-undang. Dalam kes ini, APDP 2010 bertujuan untuk melindungi individu daripada penyalahgunaan data peribadi oleh entiti swasta dan kerajaan. Tafsiran literal yang dicadangkan oleh LHDN berpotensi untuk mencemarkan tujuan ini dengan membenarkan pencerobohan terhadap privasi tanpa kawalan, seterusnya berpotensi untuk menyalahgunakan kuasa di bawah ACP 1967.

Keputusan mahkamah dalam kes ini tidak seharusnya dianggap sebagai keputusan kes yang terpendil, tetapi mencerminkan perkembangan yang lebih luas dalam bidang perundangan Malaysia yang makin mengutamakan perlindungan terhadap hak privasi individu. Dalam kes *Sivarasa Rasiah lwn Badan Peguam Malaysia & Anor*, Mahkamah Persekutuan memperluas tafsiran Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan untuk merangkumi hak privasi sebagai sebahagian daripada kebebasan peribadi. Dalam kes *Genting Berhad*, mahkamah mengulangi prinsip ini dengan menegaskan bahawa kuasa yang diberikan kepada badan kerajaan, seperti LHDN, mesti dilaksanakan sejajar dengan objektif APDP 2010, iaitu untuk melindungi data peribadi daripada pendedahan yang tidak wajar.

Selain itu, mahkamah turut mengkritik Pesuruhjaya PDP dalam kes ini kerana gagal menilai permohonan data oleh LHDN dengan telitinya. Pesuruhjaya PDP didapati telah mengabaikan tanggungjawab statutorinya apabila menyokong permohonan tersebut tanpa mempertimbangkan implikasi undang-undang dan privasi dengan mendalamnya. Kegagalan ini membolehkan peruntukan ACP 1967 mengatasi APDP 2010 tanpa semakan yang mencukupi, yang bertentangan dengan peranan pesuruhjaya sebagai penguat kuasa utama APDP 2010. Mahkamah menekankan bahawa kelemahan ini menunjukkan keperluan untuk campur tangan kehakiman bagi melindungi hak privasi individu daripada terjejas.

Pendekatan *purposif* yang diambil oleh mahkamah dalam kes ini juga mencerminkan niat kehakiman yang jelas untuk mengekalkan integriti APDP 2010 dan melindungi hak privasi individu. Dengan menumpukan tujuan utama undang-undang, mahkamah memastikan bahawa pengecualian terhadap perlindungan data seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 39 dan Seksyen 45 APDP 2010 ditafsirkan secara tertumpu dan hanya terpakai dalam keadaan apabila terdapat justifikasi undang-undang yang jelas dan kukuh. Pendekatan ini menghalang hak privasi daripada dikompromi dan menegaskan bahawa kuasa kerajaan, termasuklah yang diperuntukkan di bawah ACP 1967, mesti sentiasa diimbangi dengan hak individu untuk mengawal data peribadinya.

Penekanan terhadap Peranan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi

Kes ini mengetengahkan peranan Pesuruhjaya PDP yang tidak dapat dinafikan penting dalam penguatkuasaan APDP 2010. Pesuruhjaya PDP bertanggungjawab untuk memastikan bahawa prinsip perlindungan data

dipatuhi secara ketat oleh semua pihak, termasuklah agensi kerajaan. Walau bagaimanapun, dalam kes *Genting Malaysia Bhd lwn Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi & Ors*, mahkamah secara jelas mengkritik tindakan Pesuruhjaya PDP kerana gagal menilai permohonan data yang dibuat oleh LHDN secara mendalam. Dengan menyokong permintaan LHDN tanpa melakukan semakan yang teliti, Pesuruhjaya PDP didapati telah mengabaikan kewajipan statutorinya untuk memastikan permintaan capaian terhadap data peribadi selaras dengan kehendak ketat APDP 2010.

Kegagalan Pesuruhjaya PDP ini seiring dengan kelemahan penguatkuasaan dalam beberapa kes lain yang menyerlahkan keperluan pendekatan yang lebih proaktif dan berhati-hati terhadap perlindungan data yang turut dirujuk oleh hakim dalam kes ini. Sebagai contoh, dalam kes *Toh See Wei lwn Teddric Jon Mohr & Anor*, mahkamah menangani isu capaian tidak sah terhadap maklumat peribadi, khususnya yang berkaitan dengan penggodaman e-mel. Walaupun tuntutan dalam kes tersebut ditolak atas alasan prosedur, kes ini menonjolkan risiko yang timbul daripada capaian tidak sah terhadap data peribadi. Hal ini menekankan keperluan kritikal terhadap mekanisme yang melindungi daripada berlakunya pelanggaran data yang tidak sah, serta tanggungjawab Pesuruhjaya PDP untuk memastikan insiden seperti ini dielakkan. Kegagalan Pesuruhjaya PDP untuk meneliti permohonan data LHDN dalam kes *Genting Malaysia* mencerminkan kelemahan prosedur yang sama seperti dalam kes *Toh See Wei*, apabila langkah perlindungan data gagal melindungi maklumat peribadi daripada capaian sewenang-wenangnya.

Dalam kes *Muhamad Juzaili bin Mohd Khamis & Ors lwn Kerajaan Negeri Sembilan & Ors*, Mahkamah menangani persoalan perlembagaan berkenaan hak kebebasan peribadi di bawah Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan. Dalam kes tersebut, **mahkamah memutuskan bahawa undang-undang negeri yang menjadikan perbuatan berpakaian menyerupai jantina berlainan sebagai kesalahan jenayah yang melanggar kebebasan peribadi dan perlindungan sama rata**. Meskipun isu yang dibicarakan berbeza, penegasan mahkamah terhadap keutamaan kebebasan peribadi dan larangan campur tangan yang tidak wajar oleh pihak berkuasa amat relevan untuk konteks kes *Genting Malaysia Bhd*.

Prinsip yang sama diterapkan dalam kes *Genting Malaysia Bhd*, apabila mahkamah memutuskan bahawa permintaan data berskala besar oleh LHDN merupakan suatu bentuk pencerobohan yang tidak wajar. Hak privasi yang diiktiraf sebagai sebahagian daripada kebebasan peribadi seharusnya dilindungi daripada campur tangan kerajaan yang berlebihan,

selaras dengan semangat dan peruntukan Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, kedua-dua kes ini menzahirkan pendirian kehakiman bahawa kebebasan peribadi, termasuklah hak privasi, perlu diberikan perlindungan secukupnya, sekali gus mengukuhkan prinsip bahawa undang-undang yang menyentuh privasi mesti ditafsirkan dan dikuatkuasakan dengan berhati-hati bagi mengelakkan pelanggaran hak asasi.

Tafsiran mahkamah terhadap Perkara 5(1) dalam kes *Sivarasa Rasiah lwn Badan Peguam Malaysia & Anor* juga menyokong kepentingan melindungi privasi sebagai elemen kebebasan peribadi. Dalam kes tersebut, Mahkamah Persekutuan memperluas definisi kebebasan peribadi untuk merangkumi perlindungan terhadap maruah, privasi dan autonomi individu. Tafsiran ini mengesahkan bahawa walaupun privasi tidak disebut secara eksplisit dalam Perlembagaan Persekutuan, privasi tetap dilindungi di bawah kerangka kebebasan peribadi yang lebih luas. Tafsiran ini sangat relevan dalam kes *Genting Malaysia*, apabila keputusan mahkamah untuk melindungi data pelanggan di bawah APDP 2010 selaras dengan jaminan privasi yang diberikan oleh Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan.

Keputusan mahkamah dalam kes *Genting Malaysia Bhd lwn Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi & Ors* bukan sahaja memaparkan kelemahan dalam peranan Pesuruhjaya PDP, tetapi juga menegaskan keperluan untuk mengekalkan privasi sebagai hak asas yang dijamin oleh Perlembagaan dan perundangan. Prinsip undang-undang yang relevan menyokong pandangan bahawa kuasa kerajaan, walaupun penting untuk fungsi awam, mesti dilaksanakan dengan cara menghormati hak privasi dan kebebasan peribadi individu. Sebagai pelaksana utama APDP 2010, Pesuruhjaya PDP perlu menjalankan tugasnya dengan lebih cermat untuk memastikan hak privasi yang dijamin oleh undang-undang di Malaysia tidak terkompromi oleh permintaan kerajaan yang tidak wajar terhadap data peribadi.

Perkembangan Kes: Rayuan dan Implikasi

Walaupun keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Genting Malaysia Bhd lwn Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi & Ors* memberikan suatu penghakiman penting mengenai hak privasi dan penguatkuasaan APDP 2010, pertikaian undang-undang dalam kes ini tidak berakhir begitu sahaja. Kes ini telah dirayu dalam kes *Pengarah Hasil Dalam Negeri lwn Genting Malaysia Berhad*, tetapi rayuan tersebut tidak menyentuh isu substantif yang berkaitan dengan privasi yang dibangkitkan dalam

kes asal. Sebaliknya, Mahkamah Rayuan memberikan tumpuan terhadap aspek prosedur dan membenarkan rayuan atas alasan bahawa semakan kehakiman difailkan di luar tempoh yang diperuntukkan.

Keputusan Mahkamah Rayuan diputuskan berdasarkan kekangan teknikal prosedur, sekali gus menonjolkan kepentingan pematuhan terhadap tempoh masa statutori apabila mencabar tindakan kerajaan. Namun demikian, rayuan tersebut tidak menangani atau mengubah dapatan utama Mahkamah Tinggi berhubung tindakan melampaui kuasa oleh LHDN dan kegagalan Pesuruhjaya PDP untuk menegakkan perlindungan yang diperuntukkan oleh APDP 2010. Oleh itu, prinsip undang-undang substantif mengenai hak privasi, skop kuasa penyiasatan LHDN dan kewajipan Pesuruhjaya PDP untuk bertindak secara bebas kekal tidak terjejas oleh keputusan rayuan tersebut.

Keputusan Mahkamah Tinggi terus memperkukuh keperluan untuk Pesuruhjaya PDP menjalankan semakan secara teliti terhadap permintaan data oleh kerajaan dan memastikan bahawa permintaan tersebut adalah sah di sisi undang-undang, bersesuaian dan sepenuhnya mematuhi perlindungan privasi yang ditetapkan oleh APDP 2010.

KESIMPULAN

Kes Genting Malaysia Bhd lwn Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi & Ors menyediakan penghakiman penting yang memperkukuh perlindungan terhadap hak privasi individu di Malaysia. Mahkamah menegaskan bahawa hak privasi yang termaktub di bawah APDP 2010 dan Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan tidak boleh diketepikan walaupun terdapat tuntutan kepentingan awam. Pendekatan purposif yang digunakan dalam pentafsiran undang-undang memberikan penegasan yang jelas bahawa prinsip asas APDP 2010 mesti diutamakan untuk melindungi data peribadi daripada pendedahan yang tidak wajar.

Keputusan ini juga menekankan kepentingan keseimbangan antara kuasa penyiasatan oleh agensi kerajaan dengan hak individu. Mahkamah berjaya menunjukkan bahawa kuasa luas yang diberikan kepada agensi kerajaan, seperti LHDN, tidak boleh dilaksanakan tanpa justifikasi yang jelas dan berasaskan undang-undang yang kukuh. Tindakan “ekspedisi memancing data” untuk mendapatkan data berskala besar tanpa sebab yang spesifik dikritik sebagai melampaui batasan yang ditetapkan oleh APDP 2010.

Selain itu, keputusan ini memperlihatkan keperluan bagi badan pengawalseliaan, seperti Pesuruhjaya PDP, untuk melaksanakan

tanggungjawab statutorinya dengan lebih berhati-hati. Pesuruhjaya PDP dikritik kerana gagal mempertimbangkan implikasi undang-undang secara mendalam dan menyokong tindakan LHDN yang bertentangan dengan prinsip perlindungan data peribadi. Hal ini menekankan bahawa badan pengawalseliaan tidak hanya bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang, tetapi juga melindungi hak individu yang diamanahkan kepadanya.

Kes ini bukan sahaja memberikan impak terhadap undang-undang perlindungan data, tetapi juga memberikan panduan penting kepada agensi kerajaan dan entiti swasta di Malaysia tentang kepentingan untuk menghormati hak privasi pada era digital. Dengan menekankan prinsip keutamaan undang-undang khusus, seperti APDP 2010, mahkamah berjaya mengukuhkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem perundangan sebagai pelindung hak asasi manusia.

RUJUKAN

- Aznul Affendi Hasan Basri, Abu Bakar Jais & Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod (2023). *Principles of Interpretation*. Dlm. *Statutory Interpretation in Malaysia* (hlm. 9–17), Sweet & Maxwell.
- Hazreena Begum Abdul Hamid. (2022). May I have some privacy please. *Malayan Law Journal*, 1 MLJ ccxxxv, 235–246.
- High Court of Malaya rules Inland Revenue Board not permitted to blanket make request for customers' personal data. (2022, 28 Jun). *Genting Malaysia Bhd lwn Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi & Ors*. Allen & Gledhill.
- Khaw Lake Tee. (2002). Towards A personal data protection regime in Malaysia. *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 29(1), 255–282.
- Malaysian Court Practice. (t. t.). Malaysia Rules of Court 2012 Order 24 discovery and inspection of documents. *Lexis Nexis Malaysia*. (2025, 30 Mac). <https://advance-lexis-com.eresourcesptsl.ukm.remotexs.co/document/?pdmfid=1522468&crid=a2266458->
- Muhamad Juzaili Mohd Khamis & Ors lwn *State Government of Negeri Sembilan & Ors* [2015] 3 MLJ 513.
- Noriswadi Ismail. (2013). The related actors in Malaysia. Noriswadi Ismail & Edwin Lee Yong Cieh. Dlm. *Beyond Data Protection Strategic Case Studies and Practical Guidance*. (73–86). Springer.
- Part II Fundamental Liberties. (t. t.). *Lexis Nexis Malaysia*. (2025, 30 Mac). <https://advance-lexis-com.eresourcesptsl.ukm.remotexs.co/document/?pdmfid=1522468&crid=3f13e388->
- Sivarasa Rasiah lwn *Badan Peguam Malaysia & Anor* [2002] 2 CLJ 697.
- Toh See Wei lwn *Teddric Jon Mohr & Anor* [2017] 11 MLJ 67.